

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- Nama khas
- Perkataan berulang
- Penggunaan kata sendi di dan ke
- Tarikh
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran

(ii) Kira dan tanda jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(ii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan:

Petikan membincangkan cara-cara / usaha-usaha / tindakan-tindakan / modus operandi melestarikan teknologi hijau di negara kita / di negara ini / di negara Malaysia.

2 m

Isi Tersurat (Langkah-langkah melestarikan teknologi hijau)

1. pemimpin tertinggi negara ini bersepakat memberikan komitmen dan tindakan jitu untuk bersama-sama mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau. 2 m
2. kerajaan sendiri memperuntukan dana sebanyak RM1.5 bilion dalam belanjawan 2010 bagi mempromosikan penggunaan teknologi hijau. 2 m
3. kerajaan turut menstruktur semula dan menambah fungsi beberapa Kementerian 2 m
4. kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Hijau.
5. golongan remaja sebagai pewaris negara ini hendaklah *mengimplementasikan dasar* teknologi hijau. 2 m
6. remaja mesti menghayati pendidikan mengenai teknologi hijau 2 m
7. anak-anak mesti dididik seawal usia rebung untuk menghargai alam sekitar. 2 m
8. semua pihak hendaklah mempraktikkan teknologi hijau dari rumah, bermula dalam lingkungan keluarga dan rakan. 2 m
9. Amalan kitar semula melalui penyediaan empat tong sampah berasingan di setiap kawasan kejiranan dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat. 2 m

Isi tersirat: (kekangan melaksanakannya)

- a. ibu bapa tidak mendidik anak-anak mengamalkan teknologi hijau 2 m
- b. kurang kesedaran masyarakat tentang kepentingan teknologi hijau 2 m
- c. kerajaan kurang bajet melaksanakan projek teknologi hijau 2 m
- d. teknologi hijau kurang diterap dalam sekolah 2 m
- e. pihak peniaga mementingkan keuntungan berbanding memelihara alam sekitar 2 m

[terima mana-mana jawapan murid sekira betul]

Penutup:

Kesimpulannya, (isu) langkah-langkah melestarikan teknologi hijau hendaklah / haruslah / (cadangan) diperkasa / diberikan perhatian / dipraktikkan bersungguh-sungguh supaya / agar / untuk / demi / (harapan) negara kita selamat daripada musibah / hidup kita harmoni. 2 m

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 - 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 - 6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.
[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada :

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap /relevan dengan tugas dan ayat Gramatis	3
- isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- isi tidak cukup/ kurang dan ayat kurang gramatis	1
- isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat Gramatis	4
- isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2 (a): Petikan Rumusan

- i. Berikan maksud rangkai kata *mengimplementasikan dasar* ?
maksudnya: proses melaksanakan / mengusahakan /melakukan keputusan / ketetapan / prinsip yang ditetapkan [2 markah]
- ii. Apakah faedah-faedah teknologi hijau?
- meningkatkan produktiviti sumber semula jadi dan populasi 1 m
- mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk merawat setiap pencemaran yang berlaku. 1 m
- merangsang inovasi dan perubahan cara hidup seharian manusia. 1 m
[3 markah]
- iii. Pada pendapat anda, mengapakah program kitar semula kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat?
- kurangnya kempen dalam kalangan masyarakat 1 m
- ibu bapa tidak menunjukkan teladan kepada anak-anak berkaitan amalan kitar semula 1 m
- penguatkuasaan kurang berkesan. 1 m
- tidak mendapat sokongan daripada pihak lain seperti media massa, pihak swasta dan lain-lain. 1 m
[terima mana-mana jawapan murid sekira betul]
[4 markah]

Soalan 2 (b): Petikan Cerpen

- (i) Mengapakah Mak Timah mengambil anak Siew Lan?
- Anaknya Katijah dan Munah, merengek-rengok lalu menyuruh Mak Timah mengambil budak itu. 1 m
 - Munah dan Katijah terus meminta dia mengambil anak Siew Lan. 1 m
 - hati Mak Timah bertambah belas mengenangkan budak itu akan dibuang. 1 m
 - dia akan mendapat pahala jika mengambil budak itu. 1 m
 - Mak Timah terfikirkan hutang yang sedang ditanggung oleh suaminya. 1 m
- [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang sesuai diambil untuk membendung gejala pembuangan bayi ?
- menanamkan nilai dan hukum agama pada masyarakat. 1 m
 - masyarakat mesti prihatin dengan tindakan remaja di sekeliling. 1 m
 - kerajaan menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang membuang bayi dengan tegas. 1 m
 - Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. 1 m
- [terima mana-mana jawapan murid sekira betul]
- [3 markah]
- (iii) Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan satu persoalan yang lain daripada keseluruhan cerpen.
- Dalam petikan:*
- persoalan tentang belas kasihan sesama manusia tanpa mengira agama dan bangsa. Mak timah sanggup membela Pungut walaupun seorang anak cacat dan berbeza agama. 1+1 m
- Dalam cerpen:*
- persoalan kepincangan masyarakat terhadap penerimaan anak yang cacat. Siew Lan tidak menyukai anaknya kerana anak tersebut cacat dan dikatakan membawa sial. 1+1 m
 - persoalan tentang ketabahan dalam menjalankan tanggungjawab yang berat. Mak Timah tetap menguruskan Pungut yang cacat walaupun ketika Mak Timah sedang sakit. 1+1 m
- [4 markah]

Soalan 2 (c): Petikan Prosa Tradisional

- (i) Berikan maksud *aku bercintakan anakku*.
- maksudnya : Tuan Puteri Cenderawati rindu akan Indera Nata.
dia merindui puteranya / anaknya
[pilih satu jawapan sahaja]

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah keadaan Tuan Puteri Cenderawati sepanjang ketiadaan Indera Nata?
- tidak mahu makan
- tidak mahu minum
- tidak mahu / boleh tidur
- sangat merindui Indera Nata

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah tanggungjawab seorang anak kepada seorang ibu?
- menziarahi ibu selalu
- mendoakan kesejahteraan untuk ibu
- beri duit belanja
- bawa ibu melancong / mengerja umrah / haji
[terima mana-mana jawapan murid sekira betul]

[3 markah]

Soalan - 2 (d): Sajak

- (i) - peradaban zaman semakin berlalu.
- adat sezaman di tinggal jauh / zaman sudah berlalu.
- adat agama dipandang remeh.
- adat kuning jadi ikutan.

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) - berpegang teguh pada ajaran agama dan nilai-nilai timur.
- ibu bapa mendidik dan membimbing anak-anak.
- ibu bapa memantau aktiviti anak-anak.
- masyarakat prihatin terhadap aktiviti remaja.
- pihak berkuasa mengadakan program ceramah dan motivasi/ kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni.
- media menyiarkan program yang berfaedah.
- kerajaan mengawal program-program yang disiarkan oleh pihak media.
- penguatkuasaan undang-undang bagi menyekat media negatif.

[Maksimum: 3 markah]

- (iii) - Kita hendaklah mengikut adat dan berpegang teguh pada ajaran agama kerana adat dan agama mampu menjadi panduan untuk mengekang masyarakat daripada melakukan perkara yang melanggar norma-norma hidup.
- Kita hendaklah mempunyai nilai jati diri yang utuh, iaitu remaja mempunyai nilai jati diri yang tinggi, mereka pasti akan menjunjung adat ketimuran.
- Kita hendaklah bijak memilih pasangan kerana seseorang yang rasional akan memilih pasangan yang berpegang teguh pada ajaran agama / adat dan budaya bangsa supaya terhindar daripada pergaulan bebas.
- Kita janganlah terpengaruh dengan budaya kuning kerana budaya kuning merosakkan nilai-nilai moral yang baik.
- Anak muda hendaklah menjauhi pergaulan bebas supaya tidak mencemarkan maruah diri.

[terima mana-mana jawapan murid sekira betul]

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada :

- Soalan 3(a) : 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah bagi ayat tersebut sahaja.

Jawapan 3(a)

(i) bunga

- kuntum yang keluar daripada batang atau tangkai pokok
- laba / keuntungan daripada pelaburan
- langkah silat

(ii) haus

- dahaga / berasa kering tekak dan ingin minum
- kurang tebalnya atau besarnya / menipis seperti tapak kasut, tayar kerana digosok

(iii) gugur

- jatuh / luruh seperti buah-buahan
- mati / meninggal dunia / terkorban dalam peperangan

Jawapan 3(b) Menukar ayat kepada ayat Songsang

- (i) Untuk kenduri tahlil, Pak Samad telah menjemput Fuad ke rumahnya.
- (ii) a. Bersama-sama dengan angkatan tentera, penduduk kampung telah mengadakan gotong-royong membina surau.
b. Dengan angkatan tentera, penduduk kampung telah mengadakan gotong-royong membina surau bersama-sama.
- (iii) Selepas berlakunya gempa bumi berskala besar, Tsunami telah melanda Aceh dan Jepun.

[6 markah]

Jawapan 3(c)

- | | | |
|-------------------|---|-------------|
| (i) saikologi | - | psikologi |
| memperkukuhkan | - | memperkukuh |
| (ii) Hajjah | - | Hajah |
| menghadiahkan | - | menghadiahi |
| (iii) anti-sosial | - | antisosial |
| pembuatan | - | perbuatan |

[Maksimum: 6 markah]

Jawapan 3(d)

- | | | |
|-----------------------------------|---|---------------------------|
| (i) kemiskinan | - | kegawatan |
| saling bantu-membantu | - | saling membantu |
| (ii) patriotik | - | rasmi |
| bagi | - | sebagai |
| (iii) darjat | - | pangkat |
| Pengetua Sekolah-Pengetua Sekolah | - | Pengetua-Pengetua Sekolah |

[Maksimum: 6 markah]

Jawapan 3(e) Peribahasa

- (i) abu di atas tunggul
- (ii) berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- (iii) melentur buluh biarlah dari rebungunya.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii) Beri 2 markah bagi setiap isi yang lengkap/ jelas (pernyataan dan huraian/ccontoh)
- iv) Beri 1 markah bagi isi yang kurang lengkap/ kurang jelas
- v) Markah isi maksimum 4 markah
- vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
- vii) Markah bahasa diberi secara impression
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- (iii) Beri 1 markah untuk pernyataan
- (iv) Berikan 2 markah untuk pernyataan dan huraian/ccontoh
- (v) Markah isi maksimum 6 (3 isi x 2 markah)
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah
- (vii) Markah bahasa diberi secara impression
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 8 markah]

Jawapan Soalan 4

(a) Tema

1. Tema novel *Renyah Konflik Kekeluargan* -

- i. Dato Dolhi tertekan dengan sikap anak-anaknya yang tidak mahu meneruskan perniagaannya.
- ii. Dato Dolhi tertekan dengan tingkah laku anak-anaknya seperti Hasnol yang terlibat dengan rasuah, Dani terlibat dengan dadah, Ilham terlibat dengan demonstrasi haram dan Mukhlis terlibat dengan ajaran songsang.
- iii. Datin Tominah tidak menerima hakikat bahawa suaminya mempunyai isteri lain.
- iv. Datuk Dolhi rasa bersalah kerana tidak membesarkan anaknya Wahi.
- v. Anak-anak Datuk Dolhi bertengkar sesama sendiri tentang sikap dan pendirian masing-masing.

2. Tema novel *Sutera Dalam Lukisan ialah konflik jiwa* : -

- i. Bujei mengalami konflik jiwa sehingga menjadi abnormal kerana dia dituduh telah menyebabkan ibunya meninggal dunia.
- ii. Adila membawa diri ke kampung kerana mengalami kekecewaan apabila kekasihnya berkahwin.
- iii. Alias mengalami konflik jiwa sehingga menjadi tidak siuman apabila pinangannya ditolak oleh Adilah.
- iv. Harun mengalami konflik jiwa apabila kehendaknya untuk mendapatkan tanah pusaka Bujei tidak mendapat sokongan Sidang Saman

(b) 1. Nilai ketabahan dalam novel *Renyah* :

- i. Datuk Dolhi tabah menghadapi kerenah anak-anaknya yang tidak mahu mendengar nasihatnya.
Contoh: Hasnol tidak mahu berhenti kerja bagi menyambung usaha Datuk Dolhi dalam perniagaan.
- ii. Datuk Dolhi tabah menghadapi dugaan apabila nama baiknya tercemar. Misalnya: Hasnol diburu oleh pihak berkuasa kerana terlibat dengan rasuah dan Dani ditangkap kerana terlibat dengan najis dadah.
- iii. Datuk Dolhi tabah menghadapi perlakuan isterinya Datin Tominah.
Misalnya: Datin Tominah marah apabila mengetahui Datuk Dolhi mempunyai anak dan isteri lain.
- iv. Datuk Dolhi tabah menyelamatkan anak-anaknya.
Contohnya: Datuk Dolhi mencari Mukhlis dan dihantar ke hospital dan menghantar Dani ke Pusat Pemulihan Dadah.

2. *Nilai ketabahan dalam novel Sutera Dalam Lukisan :*

i. Adilah tabah menghadapi putus tuning.

Misalnya: Adilah telah membawa diri ke kampung bagi mencari ketenangan apabila tunangnya berkahwin dengan orang lain.

ii. Adilah tabah menghadapi tomahan dan fitnah

Misalnya: Adilah tabah menghadapi tomahan dan fitnah berikutan usahanya memulihkan Bujei.

iii. Bujei tabah menghadapi kepayahan hidup.

Contohnya: Bujei tabah menghadapi hidup sebagai anak yatim-piatu dan berada dalam kemiskinan.

iv. Adilah tabah memulihkan Bujei.

Adilah sabar dan tabah berusaha memulihkan Bujei dan akhirnya, usaha beliau berjaya.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT